

Kuil tidak diroboh, hanya dialih ke tempat lain: Ramanan

Orang ramai diminta tidak guna perkataan cetus salah faham

Oleh Ercy Gracella Ajos dan S Poojaseliin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan memainkan peranan sebagai jambatan dalam rundingan antara pihak swasta yang juga pemilik tanah di Jalan Masjid India di sini serta kuil Dewi Sri Pathrakaliyamman bagi mencari penyelesaian adil tanpa menyentuh mana-mana kaum.

Perkara itu dinyatakan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri R Ramanan yang turut memberi jaminan kuil terletak dalam tanah milik swasta yang akan

dibangunkan itu tidak akan dirobohkan.

“Jaminan saya jelas. Kerajaan tidak akan merobohkan kuil dan kerajaan juga komited untuk mencari penyelesaian terbaik berhubung perkara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melawat Kuil Dewi Sri Pathrakaliyamman, di sini sebagai wakil Kerajaan MADANI.

Sementara itu, *BH* melaporkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberi jaminan untuk menyelesaikan isu pembangunan tanah milik sebuah syarikat swasta di Jalan Masjid India itu yang sebahagian kecil menempatkan Kuil Dewi Sri Pathrakaliyamman.

Unit Media Jabatan Perancangan Korporat DBKL melalui kenyataan dilapor memaklumkan pihaknya sudah mengenal pasti lokasi baharu untuk pemindahan rumah ibadat itu bagi memastikan penganut

Hindu dapat terus menjalankan aktiviti keagamaan mereka dengan selesa dan harmoni.

Jaga sentimen kaum

Ramanan ketika mengulas lanjut mengingatkan orang ramai tidak menggunakan perkataan yang boleh menimbulkan salah faham dalam isu ini.

“Tidak pernah ada pihak kerajaan menggunakan perkataan merobohkan. Perkataan yang digunakan ialah ‘mengalihkan’ dan ‘memindah’, bukan merobohkan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan semua supaya menjaga kata-kata dan tidak memainkan sentimen perkauman atau agama yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat di negara ini.

“Kalau kita tengok komen (di media sosial). Bukan sahaja daripada masyarakat biasa (tetapi) pemimpin politik pun sama. Jadi, jangan tanggung isu agama,” katanya.



Ramanan ketika melawat Kuil Dewi Sri Pathrakaliyamman di Kuala Lumpur, semalam.